

A portrait of Dato' Haji Hassan Azhari, an elderly man with glasses, wearing a dark blue suit, a red patterned shirt, and a black songkok. He is positioned in the foreground, looking slightly to the right. The background features a large, illuminated dome of a mosque, likely the Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, with crescent moons on the facade. The overall lighting is dramatic, with a warm glow from the mosque's lights.

*Biografi*

# Dato' Haji Hassan Azhari


*Abd Rauf Hassan (Ph.D)*

*Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A)*

7595

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA







*Biografi*

**Dato' Haji  
Hassan Azhari**





*Biografi*  
**Dato' Haji  
Hassan Azhari**

**Abd Rauf Hassan (Ph.D)**

**Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A)**



PUSTAKA PERDANA



1012329

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Cetakan Pertama 2007

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 62519 Putrajaya. Perundangan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pangkatalogan-dalam-Penerbitan

Abd Rauf Hassan, 1971-

Biografi Dato' Haji Hassan Azhari / Abd. Rauf Hassan, Wan Norainawati Hamzah.

ISBN 978-983-042-330-2

1. Hassan Azhari, Dato', 1928-. 2. Koranic scholars--Malaysia--Biography.

I. Wan Norainawati Hamzah. I. Judul.

922.97595

Atur Huruf dan Cetak:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Jalan Chan Sow Lin 50554 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92366895 Fax: 03-92224773

Penerbit:

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

922.97595  
ALH

# SEKAPUR SIRIH



**S**etinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana telah memberi ruang dan kepercayaan kepada kami untuk menghasilkan buku Biografi Dato' Haji Hassan Azhari. Terima kasih seterusnya ditujukan kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan buku ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Hajah Samsina Hj. Abd. Rahman kerana sudi menghasilkan sebuah puisi yang ditujukan khas kepada Dato' Hassan untuk dimuatkan dalam buku ini. Akhirnya tidak lupa sebanyak-banyak terima kasih kami ucapkan kepada insan yang paling banyak membantu kami dalam menghasilkan karya ulung ini, iaitu ayahanda kami sendiri, Dato' Haji Hassan bin Haji Azhari, tanpa bantuan beliau sukar untuk kami menyiapkan karya ini.

# KATA PENGANTAR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**S**egala puji-pujian khususnya bagi Allah SWT dan salam untuk Junjungan Besar Nabi kita Muhammad SAW, ahli-ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang telah diredhai oleh Allah SWT sekaliannya.

Kami memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan ni'mat akal dan kesihatan yang telah dianugerahkan dapat kami menyusun sebuah buku yang bertajuk "Biografi Dato' Haji Hassan Azhari".

Cetusan idea untuk menghasilkan buku ini datangnya daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengenangkan jasa dan pengorbanan Dato' Haji Hassan Azhari yang terlalu besar terutamanya dalam bidang al-Qur'an. Untuk menghasilkan "Biografi Dato' Haji Hassan Azhari", pihak JAKIM berpendapat lebih elok sekiranya penulis buku ini datangnya daripada ahli keluarga beliau sendiri. Ini bagi memastikan ketepatan dan kebenaran isi kandungannya lebih terpelihara. Dengan itu pihak JAKIM memilih kami yang merupakan anak dan menantu beliau untuk menulis karya ulung ini.

"Biografi Dato' Haji Hassan Azhari" memuatkan hampir seluruh kehidupan beliau yang bermula daripada sejarah dan latar belakang beliau, pendidikan, pekerjaan, keluarga hinggalah kepada kata pengharapan dan doa beliau. Buku ini juga akan mengungkap tugas beliau dalam mengajar al-Qur'an kepada masyarakat sehingga ada antara anak muridnya berjaya ke peringkat antarabangsa. Selain itu disentuh juga mengenai penglibatan beliau dalam bidang seni seperti nasyid, marhaban, berzanji dan qasidah. Tidak ketinggalan turut dipaparkan juga pengalaman-pengalaman beliau sebagai hakim dalam dan luar negara. Kesimpulannya, buku ini merangkumi kisah perjalanan kehidupan Dato' Haji Hassan Azhari dengan harapan masyarakat tidak akan lupa tentang jasa dan pengorbanan beliau yang pernah dinobatkan sebagai Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan pada tahun 2002.

Untuk akhirnya, penulis berharap dengan terhasilnya buku ini akan memberi ruang di hati seluruh umat Islam untuk menghayati jasa dan pengorbanan beliau seterusnya cuba untuk mencontohi dan mengikuti jejak langkah beliau.

**Abd Rauf Haji Hassan Azhari (Ph.D)**

**Wan Norainawati Wan Hamzah (M.A Syariah)**

**Mei 2007**

# BUAT DATO' HAJI HASSAN AZHARI



*Pisang emas di atas peran  
Buat persembahan rakyat negeri  
Tanah suci Mekah bumi kelahiran  
Hassan Azhari nama diberi*

*Sinar sang suria menceria bumi  
Sinar al-Furqan hingga ke akhirat  
Malaysia amat bertuah sekali  
Memiliki Hassan taat berkhidmat*

*Ramai pelancong datang ke Malaysia  
Pelbagai cenderamata dibawa pulang  
Ibunya Arab bapanya Indonesia  
Menetap di Selangor negeri terbilang*

*Budi pekerti pilihan bangsa  
Insan al-Kamil insan saksama  
Buktimu tuan terhadap nusa  
Akan dikenang selama-lama*

*Allah Tuhan Yang Maha Esa  
Berdosa besar jika disyirikkan  
Dari kecil hingga dewasa  
Menuntut ilmu menjadi keutamaan*

*Melaungkan azan tarikh kemerdekaan  
Suatu kenangan tak terlupakan  
Hassan Azhari insan terbilang  
Tokoh Ma'al Hijrah pernah dikurniakan*

*Raga dipinjam sudahlah hilang  
Hendak diganti tiada berwang  
Menempa nama gilang gemilang  
Tajwid dan al-Qur'an senantiasa dijulang*

*Duhai sekalian pembaca budiman  
Jadilah insan berilmu berbakti  
Jika hidup diberi pilihan  
Hassan Azhari contoh terpuji*

*Antara kaca dengan permata  
Dapat dibeza dengan ilmu  
Menyebarkan kalam Allah merata-rata  
Hassan insan yang tak pernah jemu*

*Akar selasih melilit keladi  
Keladi Cina dibuat pengat  
Lautan kasih junjungan budi  
Jasamu tuan hingga ke akhirat*

*Banyak khadam perkara khadam  
Manakan sama wira Hang Tuah  
Hakim musabaqah guru muqaddam  
Bumi Malaysia amat bertuah*

*Cantik sungguh bunga orkid  
Cantiklah lagi si bunga marwar  
Budimu tuan bukan sedikit  
Menjadi kenangan menjadi penawar*

*Di tepi rumah pisang setandan  
Pisang bernama pisang restali  
Selagi hayat dikandung badan  
Ilmu al-Qur'an terus dikaji*

**Dr. Hajah Samsina Hj. Abd Rahman  
UPM**

# KANDUNGAN



Sekapur Sirih	v
Kata Pengantar	vi
Dato' Haji Hassan Azhari	1
Latar Belakang Dato' Haji Hassan Azhari	2
Ayahanda Dato' Haji Hassan Azhari	4
Bonda Dato' Haji Hassan Azhari	9
Keluarga Tersayang	11
Pendidikan Dato' Haji Hassan Azhari	33
Belajar al-Qur'an	38
Guru-guru Masyhur	43
Latar Belakang Pekerjaan	44
Memperdengarkan Azan	52
Melatih Qari Dan Qariah	56
Murid-murid Yang Masyhur	60
Mengajar al-Qur'an Kepada Masyarakat	62
Mengajar al-Qur'an Di TV Dan Radio	64
Penerbitan Elektronik Pembelajaran al-Qur'an	66
Menyertai Musabaqah Membaca al-Qur'an	67
Musabaqah Hafazan al-Qur'an	70
Menjadi Hakim Tilawah al-Qur'an dan Nasyid Dalam Negara	71
Menjadi Hakim Tilawah al-Qur'an Antarabangsa Dan Luar Negara	78
Seminar Dan Kursus	87
Hubungan Diraja	93
Hubungan Sosial Dato' Haji Hassan Azhari	99

Penglibatan Sosial Dan Dakwah Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	103
Penglibatan Dato' Haji Hassan Azhari Dengan Persatuan Qurra' Malaysia Dan Luar Negara	104
Pengalaman Ke Luar Negara	106
Penglibatan Dalam Bidang Seni	118
Kaedah Pembelajaran Lagu Bacaan al-Qur'an	127
Kaedah Pembelajaran Lagu Dalam Nasyid	128
Kaedah Pembelajaran Lagu Dalam Berzanji Dan Marhaban	129
Penghargaan Yang Diterima	131
Doa Dan Harapan	138



# DATO' HAJI HASSAN AZHARI



Pembabitan Dato' Haji Hassan Azhari lebih dari 40 tahun dalam bidang pengajian dan pengajaran al-Qur'an membuktikan bahawa sumbangan ini terlalu bernilai bagaikan sebutir mutiara yang tiada penggantinya. Melihatkan kepada sumbangan beliau yang besar inilah menarik minat kepada pihak JAKIM untuk meminta penulis supaya menghasilkan Biografi Dato' Haji Hassan Azhari.

# LATAR BELAKANG DATO'HAJI HASSAN AZHARI



Dato' Haji Hassan bin Haji Azhari dilahirkan di sebuah kampung yang dikenali dengan Syu`ib `Amir ( شعيب عامر ) di Makkah al-Mukarramah pada tanggal 18 Ogos 1928. Kampung Syu`ib Amir terletak berhampiran Masjid al-Haram yang juga bersebelahan kampung Syu`ib Ali, tempat kelahiran junjungan nabi Muhammad SAW. Dengan keberkatan tanah suci Makkah al-Mukarramah sebagai bumi anbiya', beliau dibesarkan dengan penuh kasih sayang oleh bondanya Fatmah Abdul Hakim, seorang wanita berketurunan Arab Mesir dan Padang.

Dato' Haji Hassan dilahirkan dalam keluarga yang berilmu dan kuat berpegang kepada agama. Ayahandanya Azhari bin Abdul Khaliq tinggal lama di Makkah untuk tujuan menuntut dan mendalami ilmu agama. Ayahandanya juga bekerja sebagai mutawwif yang membantu para jemaah mengerjakan umrah ataupun ibadah haji yang sememangnya sibuk bekerja untuk mencari rezeki di samping tugasnya sebagai kadhi di sana.

Namun begitu dalam kesibukan ayahanda Azhari, ayahandanya tidak pernah lupa untuk menurunkan ilmunya kepada dua orang anaknya Hassan dan Abdul Hakim. Bagaikan kata pepatah "ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi" begitulah jua ilmu yang ada pada ayahandanya turut diwarisi oleh kedua anaknya.

Sewaktu kecil, beliau telah mula mempelajari al-Qur'an di Makkah. Seperti mana kekandanya Abdul Hakim, ayahandanya amat menyayangi dan mengambil berat tentang beliau. Pernah suatu hari sewaktu beliau sedang menaiki himar (keldai) yang dipegang oleh kekandanya Abdul Hakim, tiba-tiba himar itu terlepas dari pegangan kekandanya. Menyedari keadaan itu, dengan segera ayahandanya terus mengejar himar tersebut daripada terlepas jauh dan boleh membahayakan keselamatan anakandanya Hassan.

Dato' Haji Hassan dibesarkan dalam persekitaran keluarga dan masyarakat yang berilmu dan beragama. Pada masa itu, kegiatan pembelajaran tertumpu di Masjid al-Haram yang merupakan tanah suci bagi umat Islam. Ia juga tertumpu pada kegiatan pendidikan, keilmuan, peribadatan dan kelas-kelas menghafaz al-Qur'an.

Ketika berusia lapan tahun, beliau telah berhijrah ke Malaya (Malaysia) bersama kekandanya Abdul Hakim. Mereka datang dengan menaiki kapal laut selama beberapa bulan. Pemergian mereka ke Malaya adalah berikutan ayahandanya mengirim surat meminta keluarga beliau yang dirindui datang ke sini kerana beliau berhajat untuk tinggal tetap di Malaya. Pada awalnya, bondanya Fatmah enggan datang ke sini kerana sudah selesa tinggal di Makkah. Namun begitu beliau mengirim anak-anak untuk ke Malaya agar suaminya tidaklah merasa sunyi tinggal bersendirian di Malaya.

Setelah menghadapi pelbagai rintangan dan halangan, akhirnya mereka sampai ke Malaya dan terus ke Selangor. Di sinilah, ayahanda mereka diminta berkhidmat sebagai guru di Sekolah Marta' al-Ulum al-Diniyyah di

Kuala Langat pada tahun 1938. Bermula dari situ tinggallah Dato' Hassan Azhari dan kekandanya Abdul Hakim bersama ayahandanya di Malaya dan meninggalkan kota Makkah tempat kelahiran mereka. Selepas beberapa tahun berkhidmat sebagai guru, ayahandanya berkhidmat pula sebagai kadhi di Selangor untuk beberapa tahun semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Alauddin Shah pada tahun 1939. Pada waktu itu, usia Dato' Haji Hassan baru mencecah 11 tahun.



Dari kanan: Haji Ahmad Azhari, Hassan Azhari (ketika berusia 8 tahun), Haji Azhari Abdul Khaliq dan Abdul Hakim Azhari

# AYAHANDA DATO' HAJI HASSAN AZHARI



Tuan Haji Azhari merupakan seorang tokoh agama yang terkenal di negeri Selangor. Beliau dilahirkan pada tahun 1880 di Kampung Arang-Arang, Pantai Membaram, Barabai, Banjarmasin, Kalimantan, Borneo, Indonesia. Ayah beliau bernama Haji Abdul Khaliq bin Haji Abdul Rauf. Manakala ibunya bernama Hafsa binti Mohd. Yassin. Beliau mempunyai lima orang adik beradik seibu sebapa iaitu Hajah Rosnah, Hajah Galuh Besar, Hajah Galuh Kecil, Haji Azhari dan Markamah binti Haji Abdul Khaliq. Manakala 3 orang adik beradik yang berlainan ibu ialah Abdul Rashid, Abdul Manaf dan Daud.



Tuan Haji Azhari b. Haji Abdul Khaliq,  
ayahanda Dato' Hassan

Tuan Haji Azhari mendapat pendidikan formal di sekolah-sekolah pondok di Banjarmasin. Beliau merupakan seorang yang cukup tekun dalam pelajaran. Cita-cita beliau ialah ingin melanjutkan pelajaran di Makkah al-Mukarramah. Namun minat beliau untuk melanjutkan pelajaran keluar negara terbengkalai kerana ayah beliau mensyaratkan beliau berkahwin dahulu. Walaupun usia beliau ketika itu masih muda tetapi sudah menjadi adat di sana, bagi seorang gadis berkahwin pada umur 13 tahun manakala lelaki apabila sudah akil baligh.

Bagi memenuhi hajat ayahanda, beliau telah bersetuju untuk memenuhi syarat tersebut dan berkahwin dengan seorang gadis yang menjadi pilihan keluarga bernama Halijah. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan empat orang anak yang bernama Ahmad, Asiah, Shah Jehan dan Samsiah.

Walaupun setelah beberapa tahun mendirikan rumah tangga dan hidup penuh bahagia dengan isteri tercinta namun hasrat yang terpendam untuk menyambungkan pelajaran ke Makkah tidak pernah terpadam. Beliau sekali lagi untuk ke sekian kalinya menyatakan hasrat di hati kepada ayahandanya. Kali ini ayahandanya terus bersetuju memandangkan segala syarat telah pun dipenuhi beliau. Akhirnya hasrat beliau hampir tercapai, tunggu masa untuk merancang dan mengatur perjalanan ke sana.

Pemergian beliau ke Makkah al-Mukarramah walau bagaimanapun tidak ditemani oleh mana-mana ahli keluarga memandangkan tujuan ke sana untuk menuntut ilmu. Tambahan pula ini kali pertama beliau ke sana dan tidak tahu bagaimana keadaan dan situasi di sana. Maka beliau rasa eloklah beliau pergi seorang diri dahulu.

Perjalanan ke Makkah ketika itu ialah dengan menaiki kapal laut dan memakan masa hampir setahun untuk sampai ke destinasi. Setibanya beliau di Makkah beliau merasa terpegun dengan suasana yang ada di sana. Penduduk di sekitar Tanah Suci Makkah al-Mukarramah berlumba-lumba untuk mendapatkan pelbagai ilmu pengetahuan yang boleh didapati dengan mudah. Tidak sia-sialah perjalanan beliau yang memakan masa begitu lama. Akhirnya beliau telah dapat mendalami ilmu agama yang menjadi minat dan cita-cita beliau.

Di sana, beliau telah bertemu dengan Haji Abdul Hakim seorang berketurunan Padang, Sumatera. Isteri Haji Abdul Hakim bernama Hajah Zainab, seorang yang berkacukan Arab Mesir al-Shanani dan Padang. Mereka mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Fatmah.

Hajah Fatmah pernah dipinang orang-orang Mesir dan Arab tetapi ditolak oleh ayahanda beliau. Namun begitu, jodoh beliau dengan Haji Azhari begitu kuat. Perkahwinan Haji Azhari dengan Hajah Fatmah menghasilkan empat orang anak. Dua anak perempuan beliau meninggal di Makkah. Manakala dua lelaki ialah Abdul Hakim dan Hassan.

Setelah menamatkan pengajian di Makkah, beliau kemudiannya terus ditawarkan jawatan kadhi di sana. Selain itu beliau juga membuat kerja sampingan, iaitu sebagai mutawwif sama ada untuk ibadat umrah mahu pun haji. Beliau amat berpuas hati dengan ilmu yang beliau peroleh di Makkah serta amat berbesar hati dengan jawatan dan kerja beliau di sana. Tambahan pula beliau telah memiliki rumah tangga yang amat bahagia dengan dua anak yang bijak.

Setelah sekian lama berada di Makkah, timbul hasrat untuk kembali ke tanah tumpah darah beliau di Banjarmasin. Ini kerana beliau sekali-kali tidak pernah melupai keluarga beliau di sana. Kepulangan beliau ke tanah air tidak ditemani oleh isteri dan anak-anak berikutan keengganan isteri beliau untuk pergi ke Banjarmasin. Isterinya Fatmah yang berketurunan Arab merasakan tinggal di Makkah lebih selesa dan sesuai. Jadi, pulanglah dia ke tanah air seorang diri.

Dalam perjalanan pulang, beliau telah singgah sekejap di Malaya, iaitu di Batu Pahat, Johor dan kemudian singgah di Klang, Selangor. Pada masa itu Selangor di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman Alauddin Shah. Sultan Sulaiman Alauddin Shah seorang yang amat cintakan ilmu agama. Apabila mendapat tahu ada seorang ulama' dari Makkah singgah di Klang,


Tuanku merasa amat gembira dan segera memanggil beliau mengadap.

Baginda kemudiannya terus menawarkan Haji Azhari menjadi guru sekolah agama yang pertama di negeri Selangor yang berada di Bandar (Bandar Kuala Langat). Haji Azhari amat berminat dengan jawatan yang ditawarkan lalu terus menerima tawaran tersebut menjadikan hasrat dan niatnya untuk pulang ke Banjarmasin tidak kesampaian. Haji Azhari kemudiannya menulis surat kepada keluarga di Makkah meminta mereka datang ke Malaya memandangkan beliau akan menetap di situ ekoran penerimaan jawatan sebagai guru agama di Selangor.

Hidup keseorangan tanpa isteri di sisi terasa seolah-olah tiada kesempurnaan hidup. Di Klang, beliau berkahwin dengan Hajah Aishah binti Iskandar dan memperoleh tujuh orang cahaya mata. Mereka ialah Maimunah, Fatimah, Saodah, Abd. Halim, Abd. Karim, Mariam dan Habibah.

Sepanjang kerjaya beliau di Selangor beliau pernah menjadi Guru Agama, Kadhi, Pengapit Mahkamah, Imam dan Ketua Jawatankuasa Fatwa.


Kepakaran beliau yang tidak dapat dilupai oleh anak-anak ialah membuat serban keras dan berqasidah.



Abd. Halim (duduk dua dari kanan) bersama isteri dan dua anak saudaranya (berdiri),  
Dr. Abd. Rauf dan Mohd. Azhari



Abd. Karim (duduk sebelah kiri) bersama isteri bergambar kenangan dengan salah seorang anak saudaranya (berdiri), Dr. Abd. Rauf



Jabatan Agama Islam Selangor (gambar di atas). Haji Azhari pernah berkhidmat sebagai pengapit mahkamah dan kadhi di sini

Haji Azhari meninggal dunia ketika berumur 87 tahun di Klang akibat penyakit lelah. Peninggalan beliau bukan sahaja meninggalkan zuriat yang ramai tetapi juga yang mewarisi ilmu yang beliau minati, iaitu ilmu agama. Salah seorang anak yang mewarisi ilmu beliau ialah Dato' Haji Hassan Azhari.



Dato' Hassan sedang menghadiahkan al-Fatihah kepada arwah ayahandanya, Haji Azhari yang dikebumikan di Perkuburan Islam Kampung Jawa, Klang dengan ditemani isteri, Datin Maimunah dan anak, Dr. Abd. Rauf

## BONDA DATO' HAJI HASSAN AZHARI



Bonda Dato' Hassan Azhari merupakan seorang yang berketurunan Arab Mesir al-Shanani dan Padang. Nama penuh beliau ialah Fatmah binti Abdul Hakim.



Bonda Dato' Hassan, Arwah Hajah Fatmah bt. Abdul Hakim


Ayahandanya bernama Haji Abdul Hakim seorang berketurunan Padang, Sumatera. Ibunya pula bernama Hajah Zainab, berketurunan Arab Mesir al-Shanani dan Padang.

Hajah Fatmah mempunyai suara yang merdu dan lunak. Beliau pandai menyanyi lagu-lagu marhaban serta berkebolehan dalam memukul tabla. Malah beliau selalu mendendangkan lagu dalam majlis-majlis tertentu.

Beliau tinggal lama di Makkah al-Mukarramah. Apabila suaminya Azhari bercadang untuk kembali ke Banjarmasin, beliau tidak turut sama dan masih tinggal di sana. Ini kerana Tanah Arab sudah sebatikan dengan beliau menyebabkan beliau bimbang tidak dapat menyesuaikan diri di negara orang. Ini kerana beliau dikatakan seorang yang agak cerewet.


Setelah sekian lama hidup berpisah dengan suami dan anak-anak, akhirnya beliau bersetuju untuk datang ke Malaysia setelah dipujuk oleh dua orang anaknya. Akhirnya keluarga ini dapat bersama kembali walaupun ketika itu suaminya telahpun berkahwin lain, iaitu dengan Hajah Aishah.

Namun beliau tetap bersyukur kerana tidak lagi hidup berjauhan dengan mereka. Jadi, kasih sayangnya diperturunkan kepada dua anaknya, iaitu Abdul Hakim dan Hassan.



Bekas tempat tinggal Hajah Fatmah sewaktu di Malaysia, iaitu di Kampung Raja Uda, Klang. Yang tinggal kini hanyalah tangga rumah beliau

Memandangkan tinggal lama di Makkah, beliau amat fasih bertutur dalam bahasa Arab. Mujurlah anak-anaknya Abdul Hakim dan Hassan masih fasih bertutur dalam bahasa yang sama. Keadaan ini menyebabkan beliau lama-kelamaan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di Malaysia.



Dato' Hassan Azhari sedekahkan al-Fatihah kepada arwah bondanya Hajah Fatmah binti Abdul Hakim dengan ditemani isteri, Datin Maimunah dan menantu, Wan Norainawati

## KELUARGA TERSAYANG



Kehidupan rumah tangga Dato' Hassan Azhari bersama tiga orang isteri dan 21 cahaya mata sentiasa kelihatan ceria kerana beliau mengamalkan prinsip sentiasa bersikap adil dan seboleh-bolehnya mengelak daripada berbohong. Sesiapa sahaja yang melihat keadaan rumah tangga beliau dengan empat orang isteri seringkali tertanya-tanya apakah rahsia beliau melihatkan kerukunan rumah tangga dan hubungan baik yang wujud antara isteri-isteri beliau. Pesan beliau:


*"Adil dan jangan berbohong menjadi rahsia kepada saya untuk memastikan kehidupan berumah tangga aman damai. Jangan sekali-kali bercakap bohong kepada isteri kerana sekali kita berbohong, isteri tidak akan percaya kepada kita."*



Bergambar beramai-ramai di Majlis Hari Keluarga Azhari (Hassan Azhari) dan Abdul Samad (isterinya Sahara Abdul Samad)

Kehidupan berumah tangga yang aman damai dengan anak-anak yang soleh dan berjaya adalah impian semua orang. Begitu jugalah dengan Dato' Hassan, beliau seboleh mungkin cuba memastikan kerukunan rumah tangga yang dibina beliau. Walaupun mempunyai anak yang ramai iaitu 21 orang, namun hubungan antara mereka amat rapat dan mesra meski pun dari ibu yang berbeza.

Dato' Hassan bin Azhari mula mendirikan rumah tangga pada tahun 1950 bersama isterinya yang tercinta iaitu arwah Datin Sahara binti Abdul Samad. (Datin Sahara telah meninggal dunia pada 6 Mac 2005. Semoga rohnya dicucuri rahmat).



Hari bersejarah dalam hidup Dato' Hassan Azhari dan isteri tercinta Datin Sahara Abdul Samad yang melangsungkan perkahwinan mereka pada tahun 1950

Dato' Hassan diperkenalkan kepada Sahara melalui kekandanya Abdul Hakim yang ketika itu mengajar seorang hartawan, iaitu Mohd. Amin, salah seorang anak Nakhoda Yusuf (bapa saudara Datin Sahara). Ketika itu beliau telah pun ditunangkan dengan seorang gadis Yaman yang tinggal di Singapura oleh ibunya. Beliau pula pada masa itu berbaik dan rapat dengan Abdul Samad, seorang hartawan yang sebahagian besar tanah di Kuala Lumpur adalah kepunyaannya, tanpa menyedari bahawa itulah bakal mentuanya. Hubungan mereka berdua pada asalnya berupa hubungan seorang guru dengan muridnya kerana Abdul Samad merupakan salah seorang murid dewasanya. Pada mulanya, bondanya begitu marah dengan pilihan beliau itu, tetapi kemudian menerimanya apabila melihat sifat-sifat yang ada pada Sahara.


Namun, sudah ditentukan Illahi yang jodohnya dengan Sahara Abdul Samad, cucu Nakhoda Yusuf. Walaupun Sahara berasal daripada keturunan jutawan dan hartawan, namun beliau memilih seorang ilmuwan untuk dijadikan teman hidup. Beliau tidak keberatan dan tidak pernah merungut untuk menerima Dato' Hassan yang ketika itu hanya seorang guru agama biasa. Apa yang penting pada beliau ialah biarlah suaminya nanti seorang yang boleh memimpinkannya dan anak-anak ke arah kehidupan yang seimbang antara dunia dan akhirat.



Kenangan indah yang tak dapat dilupakan, saat-saat bahagia bersama isteri tercinta arwah Datin Sahara Abdul Samad

Dato' Hassan Azhari jatuh cinta dengan Sahara yang mempunyai sifat lemah lembut dan selalu merendahkan diri. Lalu beliau dengan beraninya bertemu ahli keluarga Sahara untuk menyuarakan niat di hati untuk memetik bunga di taman. Ayahanda Sahara pula sememangnya sangat berkenan dengan Hassan yang dilihat ketika itu sudah pun terkenal dengan ilmu agama dan al-Qur'annya lalu dengan berbesar hati menerima Hassan sebagai menantunya.


Datin Sahara seorang isteri yang sangat baik dan sentiasa redha dengan setiap ketentuan yang ditentukan Allah terhadap dirinya apatah lagi untuk merungut. Beliau tidak pernah menyesal berkahwin dengan Dato' Hassan Azhari walaupun tidak lagi hidup semewah sewaktu bersama keluarganya. Beliau juga tidak pernah merungut apabila terpaksa hidup bersedu malah sekali-kali tidak pernah terlintas di hatinya untuk menderhaka kepada suaminya, malah kasih sayangnya kepada suaminya tidak pernah luntur. Beliau sering berpesan kepada anak-anak supaya sentiasa menghormati bapa dan isteri-isteri bapa mereka. Beliau juga sewaktu hidupnya sangat dihormati dan disegani oleh kedua-dua madunya. Sebenarnya, itulah rahsia kerukunan serta keharmonian rumah tangga beliau.



**D**ato' Haji Hassan Azhari nama yang tidak asing lagi dalam bidang pengajian al-Qur'an. Tokoh ini didapati amat berpengalaman dalam bidang ini dan banyak menyumbangkan jasa serta pengorbanan menerusi kepakaran yang dimilikinya kepada masyarakat dan negara. Beliau telah memperuntukkan sebahagian besar masa hidupnya mengajar al-Qur'an kepada anak bangsa segenap lapisan masyarakat melalui pelbagai media termasuklah melalui radio dan televisyen.

Sumbangan beliau juga dapat dikesan melangkaui sempadan negara dan sampai kepada sebahagian umat Islam di negara luar melalui kursus, seminar, penghakiman dalam majlis tilawah al-Qur'an dan sebagainya. Khusus kepada JAKIM, jasa dan pengorbanannya menjayakan Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa amat bermakna dan dihargai. Selain itu penyertaan beliau dalam mesyuarat, kursus, seminar dan seumpamanya ke arah memajukan bidang pengajian al-Qur'an di negara ini tidak kurang pentingnya kepada pembangunan insan yang menjadi sebahagian tanggungjawab JAKIM. Oleh itu riwayat tokoh ini wajar dihargai dan diabadikan dalam sebuah buku sebagai tontonan dan teladan kepada masyarakat.

ISBN 978-983-042-330-2



9 789830 423302

